

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
TARIKH : 20.03.2014
SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini SRJK (C) Kajang 2 yang telah dijanjikan oleh Kerajaan sejak tahun 2008 dan juga status terkini SRJK (C) Bandar Sungai Long.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju memajakkan tapak SK Sungai Long bagi tujuan pembinaan SJKC Sungai Long dan tapak SK Kajang Utama (2) bagi tujuan pembinaan SJKC Kajang Utama. KPM telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan SJKC Kajang Utama dan SJKC Sungai Long masing-masing berjumlah RM4.5 juta pada tahun 2012 kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS).

SJKC Kajang Utama masih dalam proses pengambilan tanah daripada pihak kerajaan Negeri Selangor. Manakala bagi SJKC Sg. Long yang telah dibina oleh LPS, status fizikal yang dicerap adalah 87 peratus.